



JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 8/2/2008

TUAN HJ. YACOB BIN AB. MAJID-IMAM RAWATIB
 TUAN HAJI AB. RASHID BIN AB. RAHMAN - BILAL SATU

(Tajuk Khutbah : Memperbetulkan Niat dan Istiqamah Dalam Pembangunan Ummah

JADUAL SOLAT HARI INI

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
6.05	7.25	1.27	4.47	7.28	8.38	5.55

Bil. 6 / 2008 Tarikh : 8 Februari 2008 / 1 Safar 1429H PERCUMA

Tazkirah

PERIHAL BELITAN IBLIS TERHADAP PARA ABID DALAM BAHAGIAN PERIBADATANNYA

Berkata penulis: Ketahuilah, bahwa pintu utama yang mudah dilalui Iblis kepada manusia, iaitu pintu kejahilan. Iblis mudah sekali menerobos kepada orang-orang yang bodoh atau yang jahil dengan aman sekali. Adapun si orang alim, maka tidak mudah Iblis menerobos ke dalam dirinya, kecuali dengan jalan mencuri. Iblis telah berjaya membelit ramai dari para ahli ibadat dikeranakan kurang ilmu mereka, sebab kebanyakan dari kaum ini suka membuat peribadatan, tetapi tidak pula memberatkan ilmunya dalam peribadatan itu. Lihat apa kata Ar-Rabik bin Khaitsam: Mula sekali hendaklah anda isikan dadamu dengan ilmu, kemudian barulah masuk khalwat untuk beribadat!

Bermula belitan Iblis terhadap kaum ahli ibadat ini, disuruhnyalah mereka terus beribadat dan meninggalkan menambah ilmu, padahal ilmu itu lebih afdal, yakni utama daripada sunat-sunat nawafil. Tetapi Iblis membisikkan ke telinga mereka, bahwa yang dimaksud dari ilmu ialah beramal. Sedang orang-orang ini me-mahamkan dari amal itu ialah pergerakan anggota. Mereka tidak tahu bahwa yang dimaksudkan dari amal itu, iaitu amal hati yang dikira lebih utama daripada amal anggota.

Berkata Mutharrif bin Abdullah: Keutamaan ilmu itu adalah lebih penting daripada keutamaan ibadat! Dan berkata Yusuf bin Asbath pula: Suatu bab dari ilmu pengetahuan yang anda mempelajarinya adalah lebih utama daripada tujuh puluh perang jihad fi sabilillah! Dan berkata Al-Mu'afi bin Imran: Mencatit sebuah Hadis (dan mengerti maksudnya) adalah lebih kusukai daripada bershalat sepanjang malam!

Berkata penulis: Maka apabila termakan oleh mereka belitan Iblis ini, dan mereka pun melebihi beribadat dengan anggota daripada menambah ilmu, terluanglah peluang bagi Iblis untuk memperdayakan mereka dalam berbagai-bagai cara peribatan mereka itu.

Belitan Iblis dalam hal hendak menjaga kesucian dari hadas.

Di antaranya, bahwa Iblis menyuruhnya supaya

menunggu lama di bilik air (Tandas), dan sememangnya kerja ini memberatkan diri, padahal yang wajarnya hanya mesti sebentar saja, iaitu sekadar melepaskan hajatnya saja. Tetapi ada di antara mereka yang berdiri, lalu bertapak-tapak seraya berdehem-dehem dan mengangkat tumit yang sebelah serta menurunkan yang lain, yang pada hematnya dia menyangka dapat membersihkan kencingnya dengan cara begitu. Malangnya semakin banyak yang dibuat-buat semakin turun pula air kencing tadi.

Keterangan hakikat ini, bahawa air kencing itu akan berkumpul di tempat kencing, dan apabila manusia terasa hendak kencing akan keluarlah semua air yang berkumpul di situ, dan jika dia menapak dan berdehem akan keluar menitik lagi air kencing itu, dan demikianlah seterusnya air kencing itu akan terus menitik dan tidak akan terhenti-henti. Hanya memadailah dengan dia mengurut-urut zakarnya untuk menghilangkan titikannya, kemudian disiramkanlah tempat itu dengan air bersih. Tetapi ada orang yang memang tidak puas kecuali dengan menggunakan air, yang banyak, padahal memadai baginya sesudah hilang atau berhenti kencing itu dengan siraman tujuh kali, dan itu pun menurut setengah-setengah mazhab yang memberatkan. Dan jika dia menggunakan batu pada najis yang tidak melewati batas tempat keluarnya, maka cukuplah dengan tiga batu saja jika dapat menyesuaikan tempatnya dengan batu-batu itu. Dan siapa yang tidak puas hati dengan apa yang diterangkan oleh syariat, maka orang itu adalah Muhtadii, yakni membuat bid'ah, bukan Muttahi', yakni menurut perintah, dan Allah sajalah yang dapat memberi taufiq.

Belitan Iblis dalam berwudhuk

Di antara mereka ada orang yang dibelit Iblis dalam niatnya ketika berwudhuk, maka anda mendaparinya mengucapkan Aria'ul. hadals, yakni aku mengangkat hadas, kemudian dia mengucapkan pula Astabiihus-shalah, yakni aku membuat untuk membolehkanku bershalat, kemudian dia kembali lagi mengulangi yang satu atau

30 PUNCA KEBAHAGIAAN HIDUP

Bab 28 : Relakan Apa Yang Berlaku Padamu Nescaya Engkau Akan Menjadi Orang Yang Berkecukupan.

TELAH kita terangkan sebelumnya se-bahagian makna tentang sebab ini, namun di sini aku akan memperjelasnya sekali lagi agar dapat difahami lebih baik, iaitu hendaklah engkau berpuas hati akan sesuatu yang telah digariskan Allah untukmu seperti bentuk badan, harta kekayaan, anak, tempat tinggal, dan kepintaran, sebagaimana firman Allah Taala:

"Oleh itu, terimalah apa yang Aku kurniakan

kepadamu, dan jadikanlah dirimu dari orang-orang yang bersyukur"

Kebanyakan ulama salaf dan orang-orang yang terdahulu adalah orang-orang yang fakir hingga tiada apa pun yang dapat mereka berikan dan juga tidak ada tempat tinggal yang akan mereka wariskan, tidak ada kenderaan dan kekayaan, namun sesungguhnya mereka telah memperoleh kehidupan dan mereka bahagia dengan diri mereka dan sifat kemanusiaan mereka, oleh kerana mereka mengarahkan segala yang diberikan Allah kepada mereka untuk kebaikan dan dengan cara yang benar hingga mereka mendapatkan berkat dalam umur, waktu dan kepandaian mereka, berbeza dengan orang-orang yang telah diberikan

Bersambung di m/s 3 > >

< < sambungan dari m/s 1

yang lain dan seterusnya. Sebab belitan ini ialah bodoh dengan urusan syariat, sebab mat itu mesti diingat di dalam hati, dan bukan dengan melafazkan, sedang lafaznya itu adalah suatu hal yang tidak perlu, selain dari menguatkan niat yang di hati saja, sebab itu tiada artinya sama sekali untuk me-ngulangi lafaznya berkali-kali.

Di antara mereka ada yang dibelit Iblis dengan sangat mempersoalkan air yang hendak dibuat berwuduk itu. Lalu dia berkata dalam dirinya: Dari mana engkau dapat meyakini bahwa air ini tahir, yakni bersih, kemudian dia membuat berbagai-bagai kemungkinan yang jauh sekali di dalam pemikirannya. Padahal fatwa syariat cukup" dengan menganggap bahwa asal air itu bersih, maka sepatutnya dia tidak meninggalkan asalnya air itu dengan mem-beratkan fikiran dengan berbagai-bagai kemungkinan padanya.

Di antara mereka ada orang yang dibelit Iblis dengan memakai air yang banyak yang tidak perlu, dan dalam hal ini akan berkumpul padanya empat hal yang makruh, iaitu:-

1. Membuang-buang air, yakni membazir.
2. Menghilangkan umur, atau waktu yang berharga dalam halhal yang tidak wajib ataupun sunnat.
3. Melanggar kehormatan syariat, kerana dia tidak puas hati dengan apa yang ditunjuk oleh syariat dengan membolehkan memakai air yang sedikit.
4. Masuk ke dalam larangan syariat, yang memakruhkan memakai lebih dari tiga kali. Dan mungkin pula dia akan terus mengambil masa yang lebih lama dalam berwuduk itu, sehingga habis waktu shalat, ataupun terluput waktu fadhilahnya, ataupun tertinggal shalat berjamaah dengan Imam.

Dan belitan Iblis kepada orang ini pula dengan mengatakan: Engkau sekarang dalam suatu ibadat, jika yang ini tidak sah, tentulah shalat nanti tidak sah! Tetapi jika orang ini dapat menangani urusannya

dengan betul, nescaya dia akan mendapati dirinya dalam keadaan pertengahan dan semuanya tidak betul. Kami pernah melihat orang yang terbelit oleh waswas Iblis seperti ini, sehingga dia tidak perdulikan lagi makan minumannya, dan tidak dapat menahan lisannya dari mengumpat ke sana ke mari. Sayang sekali! Alangkah baiknya, jika dia dapat mengubah perkara ini kepada yang sebaliknya?!

Tersebut di dalam sebuah sabda daripada Abdullah bin Amru bin Al-Ash, bahwa Nabi S.A.W. melihat Sa'ad sedang berwuduk, lalu beliau mengatakan: Apa ini pembaziran, wahai Sa'ad?! Jawab Sa'ad: Apakah pada wuduk pun ada pembaziran, duhai Rasulullah?! Jawab beliau: Iya, meskipun engkau di dalam sungai yang mengalir!

Ada sabda yang lain daripada Ubay daripada Nabi S.A.W. katanya: Ada syaitan yang selalunya menunggu orang yang berwuduk, namanya Walhan, maka takutilah dia! Atau dengan kata lain, maka jagalah dirimu daripadanya! Daripada Al-Hasan r.a. katanya: Syaitan yang menunggu di tempat wuduk, dikenal dengan nama Walhan, dia sering mentertawakan manusia di waktu berwuduk!. Dan dengan sanad yang marfuk kepada Abu Na'amah, bahwa Abdullah bin Mughaffal pernah mendengar puteranya berkata: Ya Allah! Ya Tuhanku! Aku memohonmu syurga Firdaus! dan aku memohon-Mu ... begini dan begitu! Lalu disanggah oleh Abdullah (ayahnya) dengan berkata: Hai puteraku! Mintalah kepada Allah syurga, serta berlindunglah denganNya daripada api neraka! kerana sesungguhnya aku pernah mendengar Nabi S.A.W. bersabda: Akan ada pada ummat ini nanti suatu kaum yang suka berlebih-lebihan pada berdoa dan berwuduk!.

Dan daripada Ibnu Syaudzab, katanya: Pernah suatu hari Al-Hasan mendatangi Ibnu Sirin seraya mengatakan: Seseorang mereka, apabila berwuduk habis satu qirbah (kantong air dari kulit kambing), dan apabila mandi tidak cukup dengan satu kolam air, disiram-siram badannya dan digosok-gosoknya untuk menyiksa diri sendiri dan bertentangan dengan sunat Nabi S.A.W.

Bersambung minggu hadapan > > >

kekayaan, anak yang banyak dan kenikmatan yang lainnya, semuanya itu malah menjadi sebab daripada kemalangan dan kesusahan mereka, kerana mereka melencong daripada fitrah semula jadi dan manhaj yang sebenar, ini merupakan satu bukti yang sangat jelas bahawa segala sesuatu itu bukanlah ijazah yang berbagai-bagai namun ia sama sekali tidak memiliki pengaruh apapun sama ada dalam pemberiannya, sumbangan pemikirannya ataupun kekayaannya, sementara di lain pihak engkau dapati orang yang pengetahuannya terbatas, namun daripadanya ia dijadikan laksana sungai yang sentiasa mengalirkan manfaat, perbaikan dan pembangunan bagi kehidupan orang lain.

Apabila engkau menginginkan kebahagiaan maka relakanlah bentuk gambaranmu yang telah diciptakan Allah untukmu dan relakanlah segala kekuranganmu, suaramu, tingkat pemahamanmu dan kemampuanmu, bahkan para pendidik mengatakan sesuatu yang lebih daripada itu. Relakanlah kelemahan dan kekuranganmu sebagaimana yang dikatakan pepatah, "Kebahagiaan yang sebenar adalah apabila engkau dapat menerima sesuatu keadaan."

Berikut ini senarai orang-orang yang berjaya dalam hidup mereka:

Atha' Bin Abi Ribah, seorang yang sangat luas pengetahuan pada saat itu dan ia adalah orang yang hitam kulitnya, berhidung besar dan kerinting rambutnya.

Al-Ahnaf Bin Qayis, seorang ulama Arab yang berbadan kurus berperawakan kecil dan tidak tegap.

Al-'A' masy seorang muhadis, ia berasal daripada budak, pandangan matanya lemah, fakir, pakaian yang terkoyak-koyak, keadaan badan dan tempat tinggalnya yang sangat sederhana.

Bahkan sekalian Nabi-Nabi kita yang paling mulia selawat dan salam atas mereka adalah pengembala kambing, Nabi Daud a.s contohnya adalah seorang penggergaji besi, Nabi Zakaria a.s adalah seorang tukang batu, Nabi Idris a.s adalah seorang penjahit, namun mereka semua adalah sebaik-baik manusia.

Maka, nilaimu adalah kepandaianmu, amal salih,

Bersambung di m/s 4 >>>

SIDANG REDAKSI

PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali bin Mohd. Rustam
(Ketua Menteri Melaka)

PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Abd. Wahab Bin Abd. Latif
(Timbalan Pengerusi MAIM)

PENASIHAT

Datuk Alias Bin Mad Saad
(Pengaruh JAIM)

KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad bin Hashim
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

EDITOR

Hj. Ab. Rashid bin Ab. Rahman
(Bilal Satu)

PENGARANG/PENGEDAR/ SIMPANAN

Ustaz Mohd Amirudin bin Ahmad
(Imam Satu)

Tuan Hj. Yaacob bin Abd. Majid
(Imam Rawatib Masjid Negeri Melaka)

Pn. Mahaniza Binti Mahat
(Pembantu Tadbir)

Mohd Aidiel bin Jaafar (Noja)
Hj. Borhan Benjamin bin Abdullah
(Penyambut Tetamu)

Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Tiga Ratus Empat Puluh Tujuh.

في الأتظارِ

DALAM PENANTIAN

سليمان : أنا سأذهبُ إلى لَعَاوِي غَدًا.

Saya akan pergi ke Langkawi esok.

أحمد : كَيْفَ تَذْهَبُ إِلَى هُنَاكَ؟

Bagaimana awak pergi ke sana?

سليمان : بِالطَّائِرَةِ.

Dengan kapal terbang.

أحمد : كَيْفَ تَذْهَبُ إِلَى هُنَاكَ؟

Siapa yang akan menunggu awak di lapangan terbang?

سليمان : صَدِيقِي لُطْفِي سَيَنْتَظِرُنِي.

Kawan saya Lufti yang akan menunggu saya.

الْعَبَارَاتُ :

مَنْ سَيَنْتَظِرُكَ؟

Siapa yang akan menunggu awak?

JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak	2.30 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Datuk Hj. Mohamad b. Amat 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 9.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz	2.30 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

< < < sambungan dari m/s 3

manfaat yang kamu berikan dan akhlak yang terpuji dan janganlah engkau berputus asa atas apa-apa yang telah digariskan Allah Taala atasmu, sebagaimana firman Allah Taala:

"Kami membahagi-bahagikan diantara mereka segala keperluan hidup dalam kehidupan dunia ini."

Bab 29 - Ingatlah Selalu Akan Syurga.

APABILA engkau lapar di dunia ini atau keadaanmu dalam kefakiran, atau kamu bersedih, atau sakit, atau nasib buruk berpihak padamu atau kezaliman menimpamu, maka ingatlah keadaan dirimu sewaktu dalam kenikmatan, keselesaan, kebahagiaan, keadaan yang makmur dan aman, kekal di dalam syurga yang penuh kenikmatan, apabila engkau meyakini kepercayaan ini dan engkau berbuat demi akhir yang bahagia ini, segala kerugianmu akan berubah menjadi keuntungan, segala cabaran akan menjadi pemberian kerana orang yang berakal adalah orang-orang yang berbuat demi akhirat mereka kerana ia adalah kampung yang kekal dan sebaik-baiknya.

Orang yang bodoh adalah orang yang memiliki pandangan bahawa dunia ini adalah tempat tinggal mereka dan akhir tujuan mereka, engkau akan melihat mereka sebagai orang yang paling berputus asa apabila ditimpa satu musibah dan orang yang paling menyesal dengan segala kejadian kerana mereka tidak melihat selain kehidupan mereka yang hina tersebut dan mereka tidak memandang kecuali kepada kehidupan yang fana ini, tidak berfikir untuk yang lainnya dan berbuat untuk orang lain, mereka tidak mahu kebahagiaan dan kesenangan mereka terganggu oleh orang lain, walaupun hingga mereka mesti melepaskan rasa belas kasih dari hati mereka, dan menutupi kebodohan mereka daripada melihat kampung yang kekal dan penuh kenikmatan, andai sahaja mereka mendengarkan wahyu Allah Taala

yang menyatakan bahawa kampung akhirat adalah kampung yang memerlukan perhatian, usaha dan kesungguhan dalam mencapainya.

Adakah kita memperhatikan bagaimana Allah telah menerangkan bahawa ahli syurga tidak pernah merasakan sakit, tidak pernah bersedih hati dan tidak pernah mati, tidak pernah sirna kebeliaan mereka, dan baju mereka tidak pernah tersentuh air, mereka berada didalam ruangan yang terlihat zahir daripada batinnya dan yang batinnya daripada zahimya, di dalamnya terdapat apa-apa yang sama sekali tidak pernah terlihat oleh mata, tidak pernah terdengar oleh telinga, dan tidak pernah terdetik di dalam hati manusia, mereka berjalan di bawah pokok yang apabila dilalui selama seratus tahun tidak akan berakhir hujungnya, panjang khemahnya 60 meter, sungai-sungainya yang segar, istana-istananya yang megah, buah-buahnya yang mudah untuk dipetik, mata airnya yang mengalir, katil yang ditinggikan, tempat minum yang telah disediakan, bantal yang telah tersusun-susun, kebahagiaan di dalamnya adalah kebahagiaan yang sempurna, dan ia adalah akhir tujuan dan cita-cita, maka kemanakan akal fikiran kita apabila kita tidak mengingatkannya, dan tidak memikirkannya.

Apabila akhirat adalah destinasi kita maka sekalian musibah akan terasa ringan dan tidak bererti apa-apa, mudah-mudahan pandangan mata orang yang bersedih akan menjadi ceria kerananya dan hati orang yang ditinggal akan merasakan kebahagiaan kerananya.

Maka marilah, wahai sekalian orang-orang yang ditimpa kefakiran, dan yang tengah ditimpa musibah, berbuat amal kebaikan agar engkau dapat memperoleh syurga Allah Taala sebagaimana firman Allah:

"(Memberi hormat dengan berkata): " Selamat sejahteralah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu.